

# Peranan Badan Bukan Kerajaan berkaitan Homoseksual dari Perspektif Kumpulan Sasaran

Mohd Fairus bin Ahmad Fuzi\*  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: mfairusz\_83@yahoo.com

## Abstrak

Badan bukan kerajaan diwujudkan dengan tujuan dan gerak kerja yang difokuskan berdasarkan matlamat penubuhannya. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui aktiviti dan kegiatan yang dijalankan oleh PT Foundation terhadap kumpulan sasarannya iaitu golongan homoseksual. Subjek penelitian kajian ini adalah kumpulan homoseksual dan peranan badan bukan kerajaan yang berkaitan iaitu PT Foundation. Objektif kajian ini, pertama untuk mengenalpasti peranan PT Foundation dengan melihat kepada program yang dilaksanakan untuk kumpulan homoseksual dan kedua untuk melihat dari perspektif kumpulan sasaran iaitu kumpulan homoseksual terhadap peranan PT Foundation ini. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan pelaksanaan program yang dijalankan oleh pihak PT Foundation terhadap kumpulan sasarannya. Metodologi yang digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian ini ialah metode penentuan subjek, seterusnya pengumpulan data dan analisis data. Hasil kajian ini, menunjukkan PT Foundation melaksanakan program-program yang dapat membantu kumpulan homoseksual ini secara positif serta dilihat dapat membantu kumpulan sasaran yang memerlukan perkhidmatannya dengan keperluan kaunseling dan bimbingan, dan pendidikan dan kesedaran HIV dan AIDS. Perspektif kumpulan homoseksual juga menunjukkan terdapat segelintir yang menolak dengan alasan tidak bersetuju dengan melihat peranan PT Foundation sebagai pihak yang memperjuangkan dan menyokong hak asasi manusia bagi kumpulan homoseksual.

**Kata Kunci:** *gay, bimbingan, hak asasi manusia*

## 1. Pendahuluan

Dalam usaha membina sebuah negara yang sedang membangun dan menuju sebuah negara maju dari pelbagai bidang keberhasilan melalui sudut politik, ekonomi dan sosial, memperlihatkan pihak badan bukan kerajaan juga tidak ketinggalan dengan turut serta melalui keupayaan dan fokus masing-masing. Peranan badan bukan kerajaan dan kerjasama dengan pihak kerajaan serta masyarakat umum dalam membina sebuah negara yang sejahtera, harmoni, berkeadilan dan selamat adalah tanggungjawab bersama. Kepelbagaian corak sosial, cara hidup, dan permasalahan yang dihadapi di kalangan masyarakat di Malaysia khususnya, telah menghadirkan badan bukan kerajaan yang ditubuhkan dengan matlamat dan gerak kerja mereka dalam membantu mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni.

## 2. Latar belakang

Badan bukan kerajaan atau dalam bahasa Inggeris iaitu *non government organization* (NGO) adalah sebagai satu entiti yang sah di sisi perlembagaan undang-undang, iaitu sebuah badan amal yang diwujudkan tidak berunsur keuntungan. Secara asasnya badan bukan kerajaan ini ditubuhkan untuk memenuhi kehendak dan keperluan dengan matlamat yang ditetapkan oleh sesebuah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan (Makmor Tumin, 1993).

Bidang sosiologi mentafsirkan badan bukan kerajaan sebagai kumpulan sekunder yang ditubuhkan dengan satu perjuangan dan menjaga kepentingan ahli pertubuhan dan kumpulan sasaran berkaitan secara kolektif. Badan bukan kerajaan ini diwujudkan berdasarkan struktur sosial masyarakat dan tempatan, dan badan bukan kerajaan berkaitan akan menyusun strategi untuk menjalankan peranannya bagi mencapai matlamat bersama (Matthias Finger, 1994).

Menurut Gawin Chautima (1996), menyatakan badan bukan kerajaan adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan tidak bergabung dengan pihak kerajaan, dan dalam masa yang sama tidak boleh menyifatkan badan bukan kerajaan ini sebagai organisasi yang menentang dan anti kerajaan atau menyokong dan pro kerajaan. Badan bukan kerajaan yang ditubuhkan mempunyai kepelbagaian dan perbezaan matlamat dan perjuangan yang dibawa oleh setiap organisasi masing-masing. Menurut Gawin lagi, badan bukan kerajaan merupakan organisasi yang mempunyai kebebasan dan autonomi yang tidak diperolehi oleh badan kerajaan dan lain-lain agensi berkaitan kerajaan.

Badan bukan kerajaan merupakan sebuah organisasi yang memperjuangkan matlamat bersama ahli dan masyarakat. Selain itu, badan bukan kerajaan juga merupakan sebuah pertubuhan yang bebas. Walau bagaimana pun, pada asasnya badan bukan kerajaan di Malaysia masih dikawal oleh pihak kerajaan yang berperanan sebagai pihak yang membuat, mengubal dan memutuskan dalam dasar-dasar negara. Keadaan ini telah mewujudkan satu kerjasama di antara pihak kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan dalam usaha membina sebuah negara yang lebih harmoni.

Penubuhan badan bukan kerajaan dari sudut teoritikalnya adalah untuk memberi manfaat dan sumbangan kepada keperluan masyarakat sivil. Kewujudan badan bukan kerajaan dalam sistem masyarakat adalah sebagai pihak yang menjalankan peranannya selaku pihak yang mencipta ruang komunikasi di antara masyarakat umum dengan pihak pemerintah dan kerajaan yang dijalankan secara bebas serta tiada campur tangan dari pihak lain. Badan bukan kerajaan dari sudut konseptual pula merupakan satu wadah atau medium untuk melibatkan masyarakat dalam usaha mencipta hubungan yang lebih efisien dengan pihak kerajaan (Saliha, 2000).

Badan bukan kerajaan di Malaysia bergiat dan melibatkan diri dalam persoalan-persoalan alam sekitar, perlindungan dan hak pengguna, hak asasi manusia, isu-isu pembangunan dan gerakan feminisme (Lim, 1995). Menurut Syed Husin Ali, kerajaan yang dilihat bercorak dan bersifat autoriti dalam banyak perkara adalah antara punca kemunculan badan bukan kerajaan yang agresif di Malaysia dengan peranan dan matlamat masing-masing (Saliha, 1991). Kajian ini tertumpu kepada PT Foundation selaku badan bukan kerajaan yang menjalankan kerja-kerja kebajikan yang melibatkan antara kumpulan sasarannya adalah golongan homoseksual yang terdiri dari kelompok lesbian, gay, biseksual dan transgender. Pelbagai program dan aktiviti yang telah diusahakan oleh pihak PT Foundation dalam usaha untuk membantu kumpulan sasaran ini selaras dengan keperluan dan kewajaran yang diperlukan oleh mereka.

### 3. PT Foundation

PT Foundation sebelum ini dikenali sebagai Pink Triangle Sdn Bhd adalah sebuah badan bukan kerajaan yang bergerak secara sukarela yang mana organisasinya berasaskan komuniti yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, pencegahan, penjagaan dan sokongan HIV dan AIDS. Badan bukan kerajaan ini menyediakan program kesedaran kesihatan yang berkaitan dengan seksual kepada individu dan kumpulan masyarakat yang memerlukan perkhidmatan dan bantuan berkaitan dengannya. PT Foundation memfokuskan kepada lima kumpulan atau golongan utama, terutamanya pengguna dadah, pekerja seks, transeksual, lelaki yang mengadakan hubungan seks dengan lelaki atau dalam bahasa Inggeris *men who have sex with men* (MSM), dan individu yang hidup dengan dijangkiti HIV dan AIDS.

PT Foundation telah ditubuhkan pada tahun 1987, dengan menyediakan program dan perkhidmatan kaunseling kepada individu dan kumpulan berkaitan HIV, AIDS dan isu yang melibatkan seksualiti. Misi penubuhan PT Foundation adalah untuk menjadi sebuah organisasi berasaskan komuniti yang utama di Malaysia yang memberikan perkhidmatan kepada golongan dan kelompok utama yang terlibat dengan HIV dan AIDS, identiti jantina dan kesihatan seksual melalui aktiviti dan program dengan memberikan maklumat, sokongan, pencegahan HIV, penjagaan dan perkhidmatan sokongan kepada individu dan kumpulan yang memerlukan. Lima komuniti program PT Foundation yang diwujudkan adalah seperti berikut:

- i. Mereka yang hidup dengan HIV dan AIDS (*Positive Living Programme*):  
Memberi sokongan kepada mereka yang hidup dengan dijangkiti HIV. Individu yang menghidap HIV sering hidup dalam ketakutan dan kekeliruan kerana ketiadaan dan kekurangan kepada maklumat berkaitan HIV itu sendiri dan stigma serta diskriminasi yang perlu mereka hadapi dalam masyarakat. Program ini dijalankan bermatlamat untuk menangani isu-isu yang berkaitan jangkitan HIV dengan kaedah dan ruang yang selesa dan selamat kepada penghidapnya. Pihak urusetia bersama para penghidap HIV yang terlibat berkongsi pengalaman dan penyelesaian dalam usaha memperkasakan diri mereka untuk menjalani kehidupan akan datang.
  
- ii. Pengguna dadah (*IKHLAS Programme*):  
IKHLAS ditubuhkan untuk memenuhi keperluan individu dan ahli masyarakat yang berasaskan penyalahgunaan dadah. Melalui program IKHLAS ini adalah untuk memenuhi keperluan individu dan kumpulan bagi pengguna dadah. Program ini memberikan pengetahuan dan bimbingan, penjagaan dan perkhidmatan sokongan yang berkaitan dengan HIV dan AIDS yang boleh dijangkiti dari penyalahgunaan dadah tersebut. Memberikan perlindungan dan bantuan asas kepada pengguna dadah, yang kebanyakan adalah golongan gelandangan, program IKHLAS ini memberikan perlindungan kepada subjek program ini di mana pada siang hari, disediakan makanan dan kemudahan asas bantuan kecemasan yang

dikendalikan oleh jururawat yang berkelayakan yang diberikan secara percuma.

iii. Pekerja seks (*Sex workers programme*):

Program ini berfokuskan kepada individu dan kumpulan yang terlibat dalam pekerjaan seks. Pekerja seks menghadapi banyak isu dalam kehidupan harian mereka, termasuk didiskriminasi dan keganasan, dan kekurangan maklumat kepada penjagaan kesihatan yang betul dan sokongan yang diperlukan. PT Foundation memahami bahawa pekerja seks perlu diberikan maklumat dan pendedahan serta bimbingan yang penting mengenai HIV dan AIDS. Melalui program ini dapat menyediakan tempat yang selamat bagi pekerja-pekerja seks untuk menangani kebimbangan mereka berhadapan dengan masyarakat dan pihak tertentu. Pusat *drop-in* yang dibina menyediakan pelbagai program dengan sesi kaunseling dan kumpulan sokongan, yang bertujuan untuk memberi harapan dan motivasi kepada pekerja seks dengan matlamat untuk membina keyakinan diri mereka dalam mengatasi sebarang tindakan, pandangan dan diskriminasi terhadap mereka. Program ini direka untuk mendidik pekerja seks yang melibatkan hak sebagai pekerja seks, dan untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan untuk melindungi diri mereka daripada HIV dan penyakit-penakit yang lain, dalam usaha untuk mengurangkan jangkitan penyakit.

iv. Transgender (*Mak Nyah programme*):

Program Mak Nyah direka dan disasarkan untuk kumpulan dan golongan transgender (juga dikenali sebagai Mak Nyah) yang tinggal di Kuala Lumpur. Program ini berasaskan komuniti dengan memberi tumpuan kepada isu-isu seperti memperkasakan diri, hak kehidupan, pembangunan peribadi, masalah kesihatan yang berkaitan dengan HIV dan AIDS serta penyakit penyakit jangkitan seksual atau dalam bahasa Inggeris *sexual transmitted disease* (STD). Di pusat *drop-in* ini memberi tumpuan untuk memperkasakan golongan ini melalui pendidikan dan pengetahuan mengenai HIV dan penyakit jangkitan seksual.

v. Lelaki yang mempunyai seks dengan lelaki (*Men who have sex with men - MSM*):

PT Foundation bekerjasama dengan kumpulan lelaki gay dan MSM lain (lelaki yang mempunyai hubungan seks dengan lelaki) di Malaysia untuk memberikan maklumat, sokongan dan perkhidmatan penjagaan yang berkaitan dengan HIV dan seksualiti. Program ini menawarkan kemudahan dan perkhidmatan untuk membolehkan lelaki gay dan MSM untuk memberi bimbingan dan bertanggungjawab dalam kehidupan mereka sendiri. Program MSM ini adalah program yang pertama yang ditubuhkan oleh PT Foundation pada tahun 1987. Perkhidmatan pertama ini adalah melibatkan khidmat kaunseling yang menyentuh perkara berkaitan HIV dan AIDS dan seksualiti. Program ini telah memperluaskan perkhidmatan yang diberikan untuk menawarkan program melibatkan HIV dan AIDS yang melibatkan lelaki gay dan MSM lain di Malaysia. Program ini disesuaikan dengan

persekitaran yang mencabar untuk MSM di Malaysia dan juga berkaitan dengan orientasi seksual dan isu-isu identiti.

#### 4. Analisis kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis responden sebagai subjek kajian. Kajian yang dijalankan ini melibatkan 30 responden dari kalangan pengamal homoseksual. Terlebih dahulu analisis ini dijalankan ke atas latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini. Seterusnya diikuti dengan analisis perspektif responden sebagai subjek kajian yang merujuk kepada kumpulan sasaran berkaitan peranan badan bukan kerajaan yang dianalisis.

##### 4.1 Latar belakang responden

###### i. Umur

Responden yang telah diperolehi semasa pengumpulan data adalah sebanyak 30 responden dikalangan pengamal homoseksual. Analisis dimulakan dengan melihat kepada jantina dilahirkan bagi responden yang diperolehi. Sebanyak 26 (86.7 %) responden adalah responden lelaki, dan bakinya 4 (13.3 %) merupakan responden perempuan. Merujuk pada jadual.

Jadual 1: Jantina dilahirkan

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	26	86.7
Perempuan	4	13.3
Jumlah	30	100

###### ii. Kategori

Kajian soal selidik bagi latar belakang responden telah dijalankan ke atas kategori responden. Kategori responden ini adalah jenis kumpulan homoseksual yang responden amalkan. Sebanyak 18 (60 %) responden merupakan kategori gay dan 3 (10 %) adalah kategori lesbian. Bakinya iaitu 9 (30 %) responden adalah biseksual, yang mana terdiri daripada 8 lelaki dan 1 perempuan. Merujuk pada jadual 2.

Jadual 2: Kategori

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Gay	18	60
Lesbian	3	10
Biseksual	9	30
Jumlah	30	100

###### iii. Umur

Kajian soal selidik juga telah dijalankan ke atas umur responden yang mengamalkan homoseksual ini. Jadual 3 menunjukkan statistik bagi umur responden yang telah diperolehi. Sebanyak 8 (26.7 %) responden adalah berumur di antara 21 hingga 25 tahun, 8 (26.7 %) responden adalah berumur di antara 26 hingga 30 tahun, 12 (40 %) responden adalah berumur di antara 31 hingga 35 tahun. Baki 2 (6.7 %) responden pula adalah berumur di antara 36 hingga 40 tahun.

Jadual 3: Umur

Umur (Tahun)	Kekerapan	Peratus (%)
21 - 25	8	26.7
26 - 30	8	26.7
31 - 35	12	40
36 - 40	2	6.7
Jumlah	30	100

#### iv. Bangsa

Selain itu, kajian soal selidik juga telah dijalankan ke atas bangsa responden. Soalan ini dimuatkan dalam borang soal selidik kerana umumnya Malaysia mempunyai pelbagai bangsa dan kaum yang pelbagai. Berdasarkan jadual 4 menunjukkan sebanyak 86.7 % iaitu 26 responden berbangsa Melayu, 3.3 % iaitu 1 responden berbangsa Cina. Baki 10 % iaitu 3 responden lain-lain bangsa, lain-lain ini adalah responden yang terdiri kaum atau bangsa yang mana mereka berasal dari negeri Sabah dan Sarawak.

Jadual 4: Bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	26	86.7
Cina	1	3.3
Lain-lain	3	10.0
Jumlah	30	100

#### v. Taraf pendidikan

Berdasarkan jadual 5 adalah hasil analisis terhadap taraf pendidikan responden yang telah diperolehi. Taraf pendidikan ini dibahagikan kepada lima peringkat iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah (Ph.D). Terdapat 2 responden (6.7 %) mempunyai latar pendidikan hanya diperingkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sebanyak 7 responden (23.3 %) mempunyai taraf pendidikan diperingkat diploma dan setaraf dengannya. Seterusnya, sebanyak 13 responden (43.3 %) adalah pemegang ijazah sarjana muda dan 6 responden (20 %) pula adalah pemegang ijazah sarjana. Selebihnya iaitu 2 responden (6.7 %) adalah mereka

yang mempunyai taraf pendidikan tertinggi iaitu diperingkat ijazah doktor falsafah. Berdasarkan analisis keseluruhan bagi taraf pendidikan ini, responden adalah dari kalangan mereka yang berpendidikan tinggi yang paling minimum adalah diperingkat diploma dan setaraf dengannya.

Jadual 5: Taraf pendidikan

Taraf Pendidikan	Kekerapan	Peratus (%)
SPM	2	6.7
Diploma	7	23.3
Ijazah Sarjana Muda	13	43.3
Ijazah Sarjana	6	20.0
Ph.D	2	6.7
Jumlah	30	100

#### vi. Taraf pekerjaan

Kajian responden ini juga melihat taraf pekerjaan responden yang diperolehi. Taraf pekerjaan ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu pelajar, kerajaan, swasta dan persendirian. Analisis kajian memperlihatkan hasil seperti berikut, 1 responden (3.3 %) adalah pelajar, responden ini adalah pelajar di peringkat siswazah. Sebanyak 8 responden (26.7 %) adalah bekerja disektor kerajaan dengan pelbagai pangkat dan rata-ratanya adalah pegawai berijazah. 19 responden (63.3 %) adalah responden yang bekerja disektor swasta, responden yang diperolehi adalah dari pelbagai bidang pekerjaan, antaranya perbankan, pemasaran, pengurusan dan akademik. Selebihnya 2 responden (6.7 %) adalah mereka yang bekerja persendirian seperti pereka grafik dan perunding kewangan. Merujuk jadual 6.

Jadual 6: Taraf pekerjaan

Taraf Pekerjaan	Kekerapan	Peratus (%)
Pelajar	1	3.3
Kerajaan	8	26.7
Swasta	19	63.3
Persendirian	2	6.7
Jumlah	30	100

#### 5. Perspektif kumpulan sasaran

Hasil analisis ke atas data yang diperolehi, melihat perspektif kumpulan sasaran iaitu pengamal homoseksual terhadap peranan badan bukan kerajaan yang berfokuskan kepada homoseksual ini menemukan tiga perkara pokok dalam menyokong dan menolak peranan badan bukan kerajaan dalam kajian ini. Subjek kajian memberikan pandangan dan pendirian bahawa peranan badan bukan kerajaan yang dibawa oleh PT Foundation seperti berikut:

Jadual 7: Perspektif kumpulan sasaran

Butiran	Kekerapan	Peratus (%)
Kaunseling dan bimbingan	17	40.5

Pendidikan dan kesedaran	15	35.7
Menolak hak asasi manusia	10	23.8
Jumlah	42	100

### **i. Kaunseling dan bimbingan**

Dapatan daripada analisis kajian yang dijalankan terhadap kumpulan sasaran yang mengamalkan homoseksual ini memperlihatkan responden kajian dengan 17 butiran (40.5%) menyokong peranan badan bukan kerajaan ini sebagai pihak dan pusat yang menyediakan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan kepada pengamal homoseksual yang memerlukan. Kaunseling dan bimbingan kepada pengamal homoseksual yang dinyatakan wajar diberikan kepada golongan ini, kerana kehidupan sebagai individu yang mengamalkan homoseksual adalah berada dalam konflik dalam diri mereka. Konflik dan emosi yang melibatkan identiti, seksualiti dan juga kehidupan seharian mereka.

Emosi individu homoseksual yang berhadapan dengan pelbagai persoalan yang berlaku dalam kehidupannya. Selain itu cabaran yang perlu dihadapi oleh individu homoseksual termasuklah keperluan untuk membina identiti diri, menjalani kehidupan dengan emosi, kecenderungan seksualiti mereka dan pendedahan diri sebagai seorang yang mempunyai orientasi homoseksual (Caroll, 2007).

Melalui badan bukan kerajaan yang berperanan menyediakan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan ini dapat memberikan nasihat dan bimbingan dalam usaha meningkatkan keyakinan diri dan emosi dalam melalui kehidupan sebagai individu homoseksual. PT Foundation ini sangat memainkan peranan dan tanggungjawab sosial terhadap keperluan golongan homoseksual ini. Berikut adalah sebahagian pandangan dan pendirian subjek kajian terhadap peranan dan keperluan khidmat kaunseling dan bimbingan yang disediakan oleh pihak PT Foundation:

“NGO bagus jika peranan dia jelas untuk memberikan penerangan dan pendidikan mengenai kehidupan homoseksual. Bukan untuk membela dan menjadi *platform* untuk meminta hak itu dan ini dalam masyarakat. Selain itu NGO ini sangat berperanan dalam memberikan perkhidmatan nasihat, bimbingan dan kaunseling mengenai seks selamat untuk mengelakkan jangkitan HIV dan lain-lain macam tu”.

(Responden 9)

“Bagi saya NGO ini sebagai *platform*, jadi kita kena guna *platform* ni secara bijak untuk keperluan diri kita dan membantu NGO itu juga sebenarnya khususnya melibatkan keperluan kaunseling dan bimbingan kepada golongan homoseksual ini. Golongan homoseksual ni sebenarnya dah lama berfikir terbuka, dia boleh terima orang tu macam mana, tapi bagi masyarakat luar ni dia ada dalam satu keadaan dia boleh terima tapi dia dihalang, jadi halangan itulah yang perlu dilihat dan dikaji. NGO pada saya ok je, kalau tak ada NGO golongan ini akan lebih jauh terpesong sebab tak ada pihak yang membantu dan membimbing, khususnya bagi individu homoseksual yang bermasalah macam tu”.

(Responden 10)



“Sebenarnya NGO ni ada bagusnya, sebab dia nak membantu untuk menyelesaikan kecelaruan identiti, krisis seksual, dan dia cuba untuk pulihkan kita. Tetapi berjaya atau tidak berjaya itu bergantung kepada individu. Jadi saya sangat menyokong kewujudan dan peranan NGO ini selagi dia tidak tersasar dari tujuan asal penubuhan NGO itu”.

(Responden 11)

## **ii. Pendidikan dan kesedaran**

Sejumlah 15 butiran (35.7%) yang diperolehi daripada subjek kajian dalam kajian ini menyokong peranan PT Foundation sebagai pihak yang memberikan pendidikan dan kesedaran khususnya berkaitan pendidikan seks selamat dan pencegahan penyakit berjangkit HIV dan AIDS. Pengamal homoseksual itu sendiri adalah berkait dengan orientasi dan perlakuan seksual. Kesedaran mengenai hubungan seks selamat adalah sangat penting untuk langkah pencegahan jangkitan penyakit yang boleh dijangkiti melalui hubungan seksual seperti HIV dan AIDS dan penyakit kelamin lain seperti penyakit sifilis dan gonorrhoea. Badan bukan kerajaan ini juga perlu memperluaskan perkhidmatannya khusus dalam memberi pendidikan dan kesedaran penyakit berjangkit ini kepada masyarakat umum lain dan tidak hanya difokuskan kepada golongan homoseksual sahaja.

Selain itu, subjek kajian dalam kajian ini juga menyatakan bahawa pihak PT Foundation perlu juga memberikan penjelasan dan penerangan yang sewajarnya kepada masyarakat umum berkenaan kehidupan sebenar individu homoseksual dan perkara-perkara yang berkaitan. Subjek kajian percaya masyarakat umum masih ada yang tidak memahami kehidupan individu homoseksual. Perkara ini dapat dilihat dengan melihat kepada reaksi masyarakat umum yang memandang negatif serta mendiskriminasi golongan homoseksual ini. Di sini FT Foundation dan badan bukan kerajaan yang berkaitan sangat diperlukan untuk memberikan penjelasan dan kesedaran positif terhadap masyarakat umum berkenaan kehidupan homoseksual yang menyentuh perkara yang wajar seperti emosi, naluri dan lain-lain dengan cara ilmiah dan difahami dengan baik. Berikut adalah sebahagian pandangan dari perspektif kumpulan homoseksual dalam kajian ini:

“Untuk NGO, bagi saya dia tak perlu nak menyokong perlakuan atau amalan homoseksual ni, walau pun saya salah seorang dalam golongan homoseksual ini, tak perlu nak menyokong. Tapi apa yang dia boleh beritahu adalah pendidikan mengenai cara hidup sihat seperti mengelakkan virus HIV, seks selamat, penggunaan kondom, benda-benda inilah yang patut ditumpukan. Bukan kata kami (NGO) menyokong pada kegiatan ini, itu bukan sepatutnya”.

(Responden 6)

“PT Foundation adalah penting sebab sekarang ni bila kita cakap pasal golongan homoseksual, kita kena cakap pasal seksualiti, bila kita cakap pasal seksualiti, kita kena kaitkan dengan hubungan seks, bila kita kaitkan dengan hubungan

seks, seks secara rambang memang bahaya, sebab berisiko dengan jangkitan seperti HIV agak tinggi dalam kalangan homoseksual. PT Foundation ni membenarkan dan memberikan perkhidmatan ujian saringan HIV dan AIDS secara tanpa rekod nama, jadi ia sesuatu yang agak penting dan juga mereka yang pergi ke PT Foundation untuk menjalani ujian itu, mereka tidak panggil homoseksual tetapi lelaki yang menjalankan hubungan seksual dengan lelaki (MSM), mereka tak nak mengaku diorang gay, walaupun saya mengaku, tapi itulah peranan NGO ini, dan juga bila mereka mengedarkan kondom, itu bukan sesuatu yang hanya untuk homoseksual, yang normal pun kena guna sebab macamlah yang buat seks ni semua homoseksual, macam mana ada kes buang anak kalau homoseksual saja yang buat seks, jadi nampak di sini masyarakat perlu tahu bahawa penggunaan kondom adalah untuk salah satu langkah seks selamat untuk mengelakkan jangkitan penyakit dan kandungan yang tidak diinginkan”.

(Responden 14)

“NGO ini pada pendapat saya sangat penting untuk golongan homoseksual ni. NGO ni sebagai pihak yang memberikan bimbingan dan nasihat yang baik kepada golongan ini dalam pelbagai aspek. Perkara yang saya fikirkan sangat penting adalah memberikan pendidikan seks selamat untuk mencegah dari penyakit berjangkit seperti AIDS dan sifilis”.

(Responden 15)

### **iii. Menolak memperjuangkan hak asasi manusia**

Hasil analisis ini juga menunjukkan terdapat penolakan terhadap peranan yang tidak wajar dilakukan oleh pihak badan bukan kerajaan umumnya dan PT Foundation khususnya. Sejumlah 10 butiran (23.8%) daripada subjek kajian menolak peranan badan bukan kerajaan yang mempunyai matlamat serta memperjuangkan hak asasi manusia terhadap golongan homoseksual ini. Penolakan perjuangan hak asasi manusia yang dimaksudkan dalam dapatan analisis kajian ini ialah perjuangan mendapatkan hak dan pengiktirafan menurut undang-undang dan perlembagaan negara secara jelas untuk hidup sebagai homoseksual secara terang-terangan. Selain itu, penolakan terhadap perjuangan hak asasi manusia sebagai homoseksual ini juga adalah atas pendirian menghindarkan tuntutan-tuntutan hak sama rata dengan individu heteroseksual yang lain seperti pengiktirafan perkahwinan sejenis dan mengamalkan kehidupan sebagai homoseksual di tempat umum tanpa ada sekatan dan sebagainya.

“PT Foundation adalah bukan untuk menggalakkan bahawa homoseksual itu sebagai satu hak. Tapi PT Foundation sepatutnya bertindak sebagai satu organisasi yang membela mereka dari ditindas, tapi bukan untuk membela bahawa ia satu hak. Contohnya, dia menyedarkan tentang AIDS, tentang hubungan seks yang selamat, benda-benda macam tu dan bukan menegakkan ia satu hak, benda-benda macam itulah. Bagi saya homoseksual tidak mempunyai hak dalam masyarakat”.

(Responden 1)

“Kalau pihak NGO itu diwujudkan untuk memberi perkhidmatan kaunseling, pendidikan, dan menjalankan aktiviti yang jelas tidak mengarahkan kepada

perkara yang lebih negatif, saya rasa dia wajar. Pada saya NGO sangat berperanan dalam membantu golongan ini supaya tidak terus jauh dalam dunia homoseksual ini. Tapi sekiranya ada NGO yang menjadi penggerak untuk menuntut hak bagi homoseksual ini, saya sendiri sebagai seorang homoseksual tidak bersetuju”.

(Responden 12)

“NGO sebenarnya bagus kalau bertujuan untuk membantu golongan-golongan ini yang menghadapi masalah. Macam mak nyah atau transgender yang selalu ditindas dan pasti moral mereka akan *down*, mungkin NGO ni boleh bantu mereka bagi kaunseling dan bimbingan yang sepatutnya. Tapi kalau NGO tu jadi pihak yang berjuang untuk hak homoseksual ni, saya rasa itu tak perlu”.

(Responden 17)

“NGO juga penting sebagai pihak sokongan kepada golongan homoseksual ni, sekali lagi bukan untuk badan yang menuntut hak itu dan ini atas alasan hak asasi manusia yang perlu dihormati, tetapi sebagai pihak yang memberikan pendidikan dan kaunseling terhadap golongan ini. NGO ini juga boleh menjadi pihak kedua untuk golongan ini, bagi mendengar sekiranya ada luahan dan kekeliruan golongan homoseksual ini. Memberi kaunseling dan pendidikan seks selamat, mencegah penyakit berjangkit seperti AIDS mungkin antara perkara yang boleh dilakukan oleh pihak NGO ini”.

(Responden 19)

Walau bagaimanapun, analisis kajian juga menemukan terdapat pandangan dan harapan daripada subjek kajian agar pihak badan bukan kerajaan berperanan sebagai pihak yang menyuarakan hak-hak golongan homoseksual ini sebagai individu atau kumpulan yang hidup dalam masyarakat dari tidak ditindas, disisih, dipinggirkan dan didiskriminasi. Hak yang dimaksudkan oleh subjek kajian adalah hak sebagai individu dan personaliti yang mempunyai orientasi dan mengamalkan homoseksual, tidak perlu dipandang serong dan negatif.

Hasil analisis juga menemukan, pandangan responden kajian yang menyatakan keperluan pihak PT Foundation untuk menambah dan menekankan kepada program yang bersifat keagamaan dan kerohanian. Sebagai individu yang hidup beragama, penekanan kepada kesedaran agama dalam menghadapi kehidupan sebagai pengamal homoseksual perlu juga diberi tumpuan. Berikut adalah pandangan responden kajian:

“Peranan NGO dalam sosial masyarakat sangat bagus, cuma banyak kekurangan dari sudut teologi dan perbahasan mengenai feqah. Kebanyakan kita majoriti muslim, bila awak jadi homoseksual, rasa Tuhan jauh daripada awak dan tempat-tempat macam ni tak boleh bagi awak rasa dekat dengan Tuhan. Saya rasa perlu ada kesedaran spiritual dalam diri yang di sini mereka tak ada”.

(Responden 23)

Keseimbangan di antara program yang dijalankan oleh PT Foundation dan program keagamaan serta kerohanian adalah dilihat mampu meningkatkan lagi keberkesannya bersama program yang dijalankan.

## 6. . Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pandangan dari perspektif kumpulan sasaran terhadap peranan badan bukan kerajaan yang berkaitan homoseksual ini menyokong secara positif dengan peranan dan program yang dijalankan oleh pihak PT Foundation dalam kajian ini. Perspektif kumpulan sasaran dari kalangan pengamal homoseksual ini sangat menyokong dari sudut positif peranan PT Foundation ini sebagai pihak yang membantu golongan homoseksual dalam membina kehidupan yang lebih baik dan terbimbing melalui program dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak PT Foundation tersebut. Penolakan PT Foundation sebagai badan yang aktif mempromosikan dan meminta pengiktirafan homoseksual sebagai hak asasi manusia secara perundangan dan berperlembagaan adalah tidak disokong. Penolakan ini adalah atas dasar persekitaran masyarakat normal yang perlu dihormati dan konsep negara Islam dan budaya ketimuran yang perlu dipelihara. Peranan PT Foundation dengan program yang dijalankan adalah penting kepada kumpulan sasaran ini sebagai mewujudkan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

## 7.. Rujukan

Dorothea Hilhorst (2003). *The Real World of NGO: Discourse, Diversity and Development*. London: Zed Book ltd.

Gawin Chautima (1996). *The Role of NGO in a Civil Society An Asean Portrait Their Impact Upon Politics and Never Challenger*. Kertas Kerja. Media. 6-7 Jun.

Lim Teck Ghee (1995). *Non-governmental Organisations in Malaysia and Regional Networking*, Dlm, Tadashi Yamamoto (pnyt), *Emerging civil society in the Asia Pacific Community*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.

Makmor Tumin (1993). *Organisasi Bukan Kerajaan: Kes Kajian ABIM*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Matthia Finger (1994). *Environment NGO in World Politics: Linking The Local and The Global*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.

Meredeth L. Weiss (2005). *Social Movement in Malaysia: From Moral Communities to NGO*. Oxon: Routledge.

Saliha Hassan (2002). *Islamic Non-Governmental Organisations*, Dlm. Meredith L Weiss dan Saliha Hassan (pnyt) *Social movement in Malaysia: From moral communities to NGOs* London: Routledge Curzon.

Saliha Hassan (1991). *Organisasi bukan Kerajaan dalam Politik Malaysia*, Dlm, Hairany Naffis (pnyt). *Politik Malaysia dekad 1990-an*. Prosiding Seminar Politik Malaysia ke-IV. Bangi: Jabatan Sains Politik UKM.

## Laman web

*SOCIAL SCIENCES POSTGRADUATE INTERNATIONAL SEMINAR (SSPIS) 2015*  
*e-ISBN 978-967-11473-2-0*

PT Foundation ([www.pffmalaysia.org](http://www.pffmalaysia.org))

**MSM Poz Programme** ([www.msmpoz.com](http://www.msmpoz.com))